

CNS9335

R GB 27-07 00163 BB409

Aab

Mahathir - Indonesia

KUALA LUMPUR, 27 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kandungan suratnya kepada Presiden Suharto tidak mempunyai perkara khusus selain daripada menjalinkan hubungan antara kedua-dua negara.

+Tak ada isu apa; cuma kita... sekejap-sekejap kita ada hubungan, antara dua jiran yang dekat...tak ada yang "specific",+ katanya pada persidangan akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di ibu pejabat parti di sini.

Perdana Menteri ditanya mengenai kandungan suratnya kepada Presiden Suharto yang disampaikan oleh timbalannya, Encik Ghafar Baba, yang membuat lawatan singkat ke Jakarta semalam.

Ketika ditanya sama ada suratnya itu turut menyentuh Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan, yang dituntut oleh kedua-dua negara, beliau berkata perkara itu adalah antara yang dibincangkan oleh Encik Ghafar.

Encik Ghafar memberitahu wartawan di Jakarta selepas pertemuan itu bahawa kunjungannya hanya untuk menyampaikan surat Perdana Menteri sambil berbincang mengenai kepentingan bersama antara kedua-dua negara dengan pemimpin Indonesia itu. -- Lagi

♥27/07/17-04MST

CNS9336

R GB 27-07 00132 BB410

Aab

Mahathir - Indonesia 2 Kuala Lumpur

Menjawab soalan Jain, Datuk Seri Dr Mahathir menolak anggapan kononnya syor Jepun supaya Persidangan Selepas Mesyuarat Menteri-menteri Luar Asean (PMC) membincangkan isu-isu keselamatan merupakan satu +tolak ansur+ bagi negara itu menerima cadangan penubuhan Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG).

+Tak ada, bukar! ada kaitan dengan EAEG. Bukan kalau kita terima (syor) itu, maka dia terima EAEG,+ katanya.

Katanya, Jepun bebas memberikan pendapatnya mengenai perkara itu kepada mesyuarat berkenaan.

Pendapat Malaysia serta negara anggota Asean yang lain pula ialah PMC boleh digunakan untuk membincangkan soal keselamatan tetapi tidak sehingga dikhaskan kepada soal itu, tambahnya.

Jepun adalah antara tujuh negara rakan dialog yang menyertai rundingan tahunan dengan Menteri-menteri Luar Asean di sini baru-baru ini. -- Bernama

♥27/07/17-05MST